



## Sunway REIT selesai beli pusat beli-belah Kluang Mall di Johor

Oleh [Nur Amira Mohd Hedzer](#) - Januari 2, 2025 @ 12:51pm

[bhbiz@nstp.com.my](mailto:bhbiz@nstp.com.my)



Pusat beli-belah Sunway Kluang Mall - Foto ihsan Sunway REIT

KUALA LUMPUR: Sunway REIT Management Sdn Bhd, selaku pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT), menyelesaikan pembelian Sunway Kluang Mall (dahulu dikenali sebagai Kluang Mall) pada 30 Disember 2024.

Sunway Kluang Mall terletak di tengah-tengah Johor, menjadikannya bandar strategik yang menghubungkan bandar utama seperti Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat.

Pusat beli-belah itu menawarkan akses yang baik ke kawasan lain di Semenanjung Malaysia melalui lebuh raya dan landasan kereta api utama.

Dengan populasi melebihi 320,000 penduduk dan potensi tambahan sekitar satu juta penduduk di Johor tengah, daerah Kluang menjadi destinasi pilihan untuk runcit dan gaya hidup di rantau ini.

**DISYORKAN**

Sunway Kluang Mall kini mencatatkan kadar penghunian 99 peratus, dengan lebih 130 penyewa dan pusat beli-belah ini menawarkan pelbagai pilihan runcit, termasuk jenama antarabangsa dan tempatan, kedai makanan dan minuman (F&B), serta perkhidmatan hiburan dan gaya hidup.

Pusat beli-belah itu diperkukuhkan dengan kehadiran Pacific Hypermarket & Department Store yang menawarkan perkhidmatan kesihatan dan kecantikan, panggung wayang serta pusat boling bagi memperkayakan pengalaman runcit secara keseluruhan.

Sunway Kluang Mall dijangka dapat memberikan pulangan yang menguntungkan kepada portfolio Sunway REIT dengan anggaran hasil pendapatan harta bersih (NPI) awal sebanyak tujuh peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn Bhd, Clement Chen, berkata pemerolehan ini akan mengukuhkan portfolio Sunway REIT sebagai salah satu amanah pelaburan hartanah (REIT) terkemuka di Malaysia.

"Kami secara strategik telah memperluaskan kehadiran di Johor, sebuah negeri berpotensi tinggi dengan tarikan utama untuk pelaburan.

"Berdasarkan jenama kukuh Sunway dan rekod prestasi cemerlang dalam pengurusan runcit, kami melihat peluang untuk meningkatkan lagi pusat beli-belah ini melalui pengoptimuman penyewaan, pengurusan proaktif dan inisiatif peningkatan aset (AEI) yang dapat meningkatkan potensi pertumbuhan hartanah ini secara ketara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dengan penyelesaian pembelian Sunway Kluang Mall, Sunway REIT kini memiliki portfolio yang pelbagai dengan 28 hartanah dan 13 hartanah runcit termasuk hartanah yang akan dibangunkan semula untuk menjadi destinasi pelancongan berpusatkan runcit dan tujuh pasar raya besar.

Selain itu, portfolio hartanah Sunway REIT termasuk enam hotel, lima pejabat, satu hartanah pendidikan dan tiga hartanah industri, dengan nilai keseluruhan sebanyak RM10.3 bilion.

## BERITA BERKAITAN



**KORPORAT** Ogs 9, 2024 @ 12:13pm

**Sunway REIT ambil alih Kluang Mall pada harga RM158 juta**



**KORPORAT** Ogs 16, 2024 @ 11:58am

**Sunway REIT muktamad beli 163 Retail Park, Kluang Mall separuh kedua**



**KORPORAT** Ogs 15, 2024 @ 11:19pm

**Untung bersih Sunway REIT melonjak kepada RM145.07 juta**



**KORPORAT** Mac 12, 2024 @ 3:07pm